

# Politik wang: Shahidan temui Pak Lah 33

BH 2 JUN 2000

KANGAR, Khamis - Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim akan menemui Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi membincang mengenai dakwaan amalan politik wang pada pemilihan Umno, awal bulan ini.

Shahidan berkata, sebelum ini beliau hanya berkesempatan menemui Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi sekadar menyampaikannya secara lisan.

Sehubungan itu, temu janji dengan Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri sudah dibuat bagi

tujuan itu.

"Saya mengakui memang ada menemui Perdana Menteri baru-baru ini tetapi hanya bercakap beberapa patah dan belum menyerahkan bukti yang diperlukan berhubung aduan amalan politik wang itu.

"Ini kerana, saya berca- dang menyerahkan bukti itu

kemudian (bukan hari itu) kepada Perdana Menteri," katanya selepas perjumpaan khas bersama Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak di Dewan Kompleks Warisan Negeri di sini, hari ini.

Shahidan diminta mengu- las mengenai kenyataan Abdullah semalam bahawa beliau dan Dr Mahathir be-

lum menerima laporan ber- hubung amalan politik wang.

Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Umno berkata, tanpa aduan, jawatankuasa itu tidak boleh membuktikan politik wang benar-benar berlaku dan mengambil tindakan terhadap ahli terba- bit.